

Analisis Hadis-Hadis Berkaitan Tuntutan Menjaga Nasab: Penguatkuasaannya Dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri

Mohamad Hafifi Bin Hassim
hafifi@kuis.edu.my

Syamim Zakwan Bin Rosman
syamimzakwan@gmail.com

Abstrak

Tuntutan menjaga nasab sangat dituntut dalam Islam. Rasulullah SAW sering mengingatkan ummatnya supaya menjauhi perilaku buruk yang boleh menjurus kepada perzinaan seterusnya menyebabkan kesucian dan kemurnian nasab itu tercemar. Oleh yang demikian, terdapat pelbagai riwayat hadis dari baginda yang menegaskan hal sedemikian. Ekoran daripada itu, para ulama' telah menganalisis hadis-hadis tersebut agar tuntutan menjaga nasab itu menjadi salah satu daripada disiplin ilmu dalam Maqasid al-Syariah. Maka, disebabkan punca kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan melalui Jadual Kesembilan Senarai II Senarai Negeri yang memberikan otoriti kepada negeri untuk menguatkuasakan kesalahan-kesalahan yang berkaitan rukun agama Islam, maka Dewan Undangan Negeri telah menganunkan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri, yang mana di dalamnya terdapat peruntukan mengenai kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan nasab. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan merujuk kepada kitab-kitab hadis, enakmen, serta kes-kes yang dilaporkan oleh mahkamah. Oleh yang demikian, kajian ini akan memberikan pendedahan mengenai kepentingan dalam menjaga nasab sebagaimana yang ditegaskan oleh baginda seterusnya menjadi tanggungjawab kerajaan untuk merealisasikannya. Dapatkan kajian ini menunjukkan telah terdapat sejumlah hadis yang berkaitan tuntutan menjaga nasab dan peranan pihak berkuasa dalam menguatkuasakan tuntutan tersebut. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan dalam usaha untuk menguatkuasakan peruntukan ini.

Kata Kunci: Nasab; Hadis; Tatasusila; Enakmen; Kesalahan.

1. Pendahuluan

Islam adalah cara hidup yang sempurna dan komprehensif. Allah SWT telah menurunkan syariatnya yang wajib dipatuhi bagi membimbing manusia dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai khalifah di muka bumi ini. Terdapat tujuan atau objektif tertentu di sebalik setiap pensyariatan yang telah diturunkan. Tujuan atau objektif inilah disebut sebagai *maqasid*.

Segala pensyariatan yang diturunkan melalui perutusan Nabi Muhammad SAW adalah rahmat untuk seluruh alam yang memberi keselamatan kepada manusia di dunia dan di akhirat dengan melakukan dan menyeru kepada segala bentuk suruhan dan kebaikan serta menjauhi larangan dan keburukan sepetimana jelas berdasarkan ayat 107, Surah al-Anbiya':

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ (١٠٧)

Maksudnya: "Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam"(Surah al-Anbiya': 107).

Skop perbincangan bagi penulisan ini adalah berkenaan aspek penjagaan nasab atau keturunan yang merupakan salah satu daripada *al-dharuriyat al-khams* di dalam *Maqasid al-Syariah* serta menganalisis peruntukan mengenai kesalahan tatasusila dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri. Perbincangan ini merangkumi soal pemeliharaan nasab, peruntukan undang-undang yang berfungsi dalam memelihara nasab dan seterusnya akan tertumpu kepada peruntukan undang-undang sedia ada di Mahkamah Syariah Negeri yang berkaitan dengan aspek penjagaan keturunan (*hifz al-nasb*) secara khusus.

Islam sangat mementingkan institusi kekeluargaan yang merupakan satu keperluan asas kepada fitrah manusia. Islam telah menggariskan beberapa perkara bagi memelihara keturunan antaranya ialah melalui perkahwinan, tanggungjawab kekeluargaan serta batasan pergaulan bagi perhubungan berlainan jenis.

Seterusnya, bagi mencegah berlakunya kerosakan terhadap keperluan asas ini, maka Islam juga telah melarang dan menetapkan hukuman yang keras bagi kesalahan seperti penzinaan, jenayah rogol dan sebagainya. Nasab atau keturunan adalah wajib dipelihara demi menjaga sistem sosial dalam masyarakat Islam. Hal ini kerana apabila keturunan telah rosak akibat daripada menyalahi syariat dan tabiat semula jadi manusia, ia akan menyebabkan berlakunya kacau bilau pada struktur institusi kekeluargaan dan seterusnya menyebabkan keruntuhan sosial masyarakat Islam.

2. Konsep Penjagaan Nasab Dalam *Maqasid al-Syariah*

Secara literalnya, perkataan *Maqasid al-Syariah* terdiri dari dua perkataan iaitu *maqasid* dan syariah. Perkataan *maqasid* (مقاصد) adalah merupakan *jama'* kepada perkataan *maqsad* (مقصد) yang bererti pegangan, punca, sasaran, keadilan dan kesederhanaan (Ibnu Manzur, t.t). Manakala, Syariah secara bahasa bermaksud jalan menuju sumber air yang mana ia dapat dikatakan sebagai jalan ke arah sumber kehidupan.

Dari segi istilahnya, pengertian Syariah ialah hukum yang telah ditetapkan oleh Allah SWT untuk hamba-Nya sepetimana berpandukan kepada maksud al-Quran yang berikut di dalam surah al-Jathiyah ayat 18:

ثُمَّ جَعَلَنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنْ أَنْجَلِهِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَشْبَعْ حَمْوَاءَ الْذِينَ لَا يَعْمَلُونَ (١٨)

Maksudnya: "Kemudian Kami jadikan kamu berada di atas satu syariat (peraturan dan undang-undang) daripada urusan (agama) itu, maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang yang tidak mengetahui." (Surah al-Jathiyah:18)

Bagi al-Fayruz Abadi (1997) perkataan "maqsad" atau "maqasid" bererti "maksud" atau "tujuan" dalam bahasa Melayu. Asal perkataan tersebut dalam bahasa Arab ialah *qasdun*. Perkataan ini membawa pelbagai makna antaranya menuju, arah, berjalan lurus atau memecahkan. Perkataan *al-qasd* pula bererti tongkat. Tongkat memberi banyak faedah kepada manusia iaitu dapat membantunya dan menuntunnya ketika berjalan. Kata *jama'* (*plural*) al-maqasid ialah *al-maqasid*.

Seorang cendekiawan Islam Ismail al-Hasani, (1995) ketika membahaskan teori *Maqasid al-Syariah* atau "matlamat akhir" syariat Islam ini, telah mengaitkan makna bahasa "menuju" dengan istilah *al-maqasid*. Beliau berkata di dalam bukunya: "Sesungguhnya seruan ke arah *al-qasadiyyah* (objektif atau tujuan syariat) adalah tugas pertama syariat Islam. Ia menuntun dan membawa perbuatan seseorang manusia kepada perbuatan, yang perbuatan tersebut dilakukan oleh seseorang yang niatnya bertepatan dengan kehendak Allah SWT ketika mensyariatkannya ke atas manusia"

Imam al-Syatibi (1991) menyatakan bahawa: "Sesungguhnya Syariah itu bertujuan untuk mewujudkan kemaslahatan manusia di dunia dan di akhirat". Maka, adalah jelas tujuan bagi setiap pensyariatan adalah menghasilkan maslahah (kebaikan) kepada umat dan mencegah kemudaratan. Hal ini yang menjadikan *Maqasid al-Syariah* antara elemen penting dalam Islam.

Manakala menurut Imam al-Ghazali (Al-Kailani, 2009) telah menggariskan lima objektif Syariah iaitu:

- (a) Pemeliharaan agama (*hifz al-din*).
- (b) Pemeliharaan jiwa (*hifz al-nafs*).
- (c) Pemeliharaan akal (*hifz al-'aql*).
- (d) Pemeliharaan keturunan (*hifz al-nasb*).
- (e) Pemeliharaan harta (*hifz al-mal*).

Konsep menjaga keturunan yang ditekankan dalam *Maqasid al-Syariah* ialah jaminan kelestarian populasi umat manusia agar tetap hidup dan berkembang sihat dan kukuh, baik pekerti serta agamanya. Hal ini dapat dilakukan melalui penataan kehidupan rumah tangga dengan memberikan pendidikan dan kasih sayang kepada anak-anak agar memiliki kehalusan budi pekerti dan tingkat kecerdasan yang memadai.

Islam menekankan aspek penjagaan keturunan kerana ia menjamin terpeliharanya nyawa dan tubuh badan. Bahkan Rosli Mokhtar & Fikri Hussain (2007) menyifatkan pertautan antara hubungan persaudaraan yang disandarkan Islam menjamin pembentukan keluarga, masyarakat dan negara yang kuat dan bersatu padu. Bermula dengan individu yang baik akan mencetuskan faedah yang berguna kepada masyarakat dengan sikap ingin membela kepada kaum yang lemah, sikap prihatin dan menghulurkan bantuan kepada sesama manusia, malah Islam juga menjamin kelangsungan zuriat manusia sehingga akhir zaman.

Nasab merupakan sesuatu yang amat penting dalam Islam. Hal ini terbukti dalam sejarah Islam ketika Rasulullah SAW telah mengambil seorang anak angkat yang bernama Zaid bin Harithah. Anak tersebut dinasabkan oleh orang ramai ketika itu kepada Nabi SAW dan kemudian Allah SWT menurunkan firmanya iaitu di dalam surah al-Ahzab ayat 4 hingga 5 yang menegur perbuatan menasabkan anak angkat tersebut kepada Nabi:

مَّا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِّنْ قَلْبِهِنَّ فِي جَوَفِهِ وَمَا جَعَلَ أَزْوَاجَكُمْ أَلَّا يُظْهِرُونَ مِنْ هُنَّ أَمْهَاتِكُمْ وَمَا جَعَلَ أَدْعِيَاءَكُمْ حَمَّأَبَنَاءَكُمْ
ذَلِكُمْ قَوْلُكُمْ بِأَفْوَاهِكُمْ وَاللَّهُ يَقُولُ أَلْحَقَ وَهُوَ يَهْدِي السَّبِيلَ (٤) ادْعُوهُمْ لِأَبَابِهِمْ هُوَ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَمْ يَعْلَمُوا عَابِرَاهُمْ
فَإِخْرَجْوْا نُكْمَ فِي الْدِينِ وَمَوَالِيْكُمْ وَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ فِيمَا أَخْطَأْتُمْ بِهِ وَلَكِنْ مَا تَعْمَدَتْ قُلُوبُكُمْ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا (٥)

Maksudnya: “(Diperintahkan dengan yang demikian kerana) Allah tidak sesekali menjadikan seseorang dua hati dalam rongga dadanya; dan Ia tidak menjadikan isteri-isteri kamu yang kamu ‘ziharkan’ itu sebagai ibu kamu; ia tidak juga menjadikan anak angkat kamu, sebagai anak kamu sendiri. (Segala yang kamu dakwakan mengenai perkara-perkara) yang tersebut itu hanyalah perkataan kamu dengan mulut kamu sahaja. Dan (ingatlah) Allah menerangkan yang benar dan Dialah jua yang memimpin ke jalan yang betul. Panggillah anak-anak angkat itu dengan ber“bin”kan kepada bapa-bapa mereka sendiri; cara itulah yang lebih adil di sisi Allah. Dalam pada itu, jika kamu tidak mengetahui bapa-bapa mereka, maka panggillah mereka sebagai saudara-saudara kamu yang seagama dan sebagai “maula-maula” kamu dan kamu pula tidak dikira berdosa dalam perkara yang kamu tersilap melakukannya, tetapi (yang dikira berdosa itu ialah perbuatan) yang disengajakan oleh hati kamu melakukannya dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.” (Surah al-Ahzab: 4-5)

Ayat di atas menerangkan bahawa nasab adalah suatu nikmat kurniaan Allah dan nasab juga merupakan salah satu dari lima *Maqasid Al-Syariah* (Ibn Qutaibah, 2010). Al-Syatibi (1991) menerangkan *Maqasid* merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh syariat demi kepentingan umat manusia. Terdapat lima *Maqasid Al-Syariah* yang berhubung dengan manusia (*dhururiyat al-khamsah*) iaitu yang pertama untuk memelihara agama, kedua memelihara nyawa, ketiga memelihara keturunan, keempat memelihara akal dan yang terakhir memelihara harta. Kelima-lima tersebut merupakan prinsip asas Islam. Memelihara nasab keturunan merupakan salah satu daripada prinsip asas tersebut dan hal ini membuktikan bahawa pentingnya untuk menjaga kesucian nasab keturunan di dalam Islam.

3. Pendekatan Rasulullah SAW Dalam Menjaga Nasab

Menjaga nasab atau keturunan telah menjadi penekanan agama sehingga disenaraikan dalam lima *maqasid syariah* atau matlamat akhir syariat. Penjagaan nasab mempunyai peranan yang penting dalam menjamin kesejahteraan fizikal, emosi dan rohani (Yashar Shariff, 2014). Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَكَرٍ وَّأُنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَابِلَ لِتَعَارِفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتُّقْسِمُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلَيْمٌ
خَبِيرٌ (١٣)

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).” (Surah al-Hujurat: 13)

Sebagai pembawa risalah agama ini, tuntutan ini telah dipraktikkan oleh Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian baginda dan disematkan dalam dakwah baginda kepada umatnya. Antara pendekatan Rasulullah SAW dalam menjaga keturunan ialah menggalakkan perkahwinan kepada yang telah mampu. Sabda Rasulullah SAW:

يَا مَعْشِرَ الشَّبَابِ ، مِنْ اسْتَطَاعَ الْبَاءَةَ فُلِيتَرْوَجْ ، فَإِنَّهُ أَغْضَنَ لِلْبَصَرِ وَأَحْسَنَ لِلْفَرَجِ

Maksudnya: “Wahai para pemuda! Sesiapa di antara kamu telah mampu berkahwin, maka bernikahlah. Kerana nikah itu dapat menundukkan mata dan memelihara kemaluan” (HR al-Bukhari, *Kitab al-Nikah, Bab Man Lam Yastati' Al-Baah*, No. 5066)

Pernikahan merupakan sunnah Rasulullah SAW dan menjadi tuntutan agama. Pernikahan membolehkan nafsu disalurkan dengan cara yang diharuskan syarak dan menatihkan kehidupan berpasangan yang bahagia dan tenteram (al-Asqalani, 1379H). Tambahan pula, perkahwinan dapat menjamin kelangsungan zuriat, mengukuhkan institusi kekeluargaan dan menyamai perasaan cinta dan kasih dengan cara yang sebenar. Melihat kepada peranan perkahwinan terhadap individu, keluarga dan masyarakat, tidak hairanlah mengapa perkahwinan digalakkan oleh Rasulullah SAW dan diberi kedudukan yang penting dalam penjagaan keturunan.

Namun, diketahui umum bahawa perkahwinan merupakan tanggungjawab besar yang bakal dipikul baik kepada lelaki yang bakal menggalas tugas selaku ketua keluarga mahupun isteri yang bakal menjadi tulang belakang keluarga. Tambahan pula perubahan gaya hidup yang bergerak pantas serta era moden dan globalisasi semasa, semestinya cabaran institusi kekeluargaan di era ini tidak seperti terdahulu. Rasulullah SAW sebagai nabi yang prihatin terhadap umatnya sentiasa memberi bimbingan dan panduan dalam segenap perkara. Oleh itu, di dalam tuntutan dalam hadis tersebut Rasulullah SAW telah bersabda juga:

وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءَ

Maksudnya: “dan sesiapa tidak mampu, maka hendaklah berpuasa kerana puasa itu dapat membendung syahwat.” (HR al-Bukhari, *Kitab al-Nikah, Bab Man Lam Yastati' Al-Baah*, No. 5066)

Di dalam hadis ini Rasulullah SAW telah menyarankan berpuasa kerana ia dapat membendung syahwat. Hal ini kerana puasa merupakan ibadat kepada Allah SWT yang memerlukan pengorbanan yang tinggi serta melemahkan nafsu syahwat (al-Hanbali, 1996). Seseorang yang melakukan ibadat puasa yang memerlukan dia menahan lapar dan dahaga tentunya

merasa malu untuk melakukan maksiat kepada Allah SWT. Hadis ini melambangkan kesyumulan yang dibawa Islam serta keperihatinan yang terkandung dalam dakwah baginda

Sepertimana Islam memudahkan dan menggalakkan perkahwinan agar dapat mencegah zina serta menjaga keturunan, Islam juga menyediakan hukuman dan ancaman kepada mereka yang melanggar ketetapan ini. Zina merupakan dosa besar yang ditetapkan hukuman had kepada pelakunya. Perlakuan zina bukan sahaja dipandang hina di sisi agama Islam bahkan agama lain juga begitu. Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرُبُوا الْزِنَى إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا (٣٢)

Maksudnya: Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan). (Al-Isra':12)

Begitu besarnya kerosakan yang dibawa oleh penzinaan sehingga Allah mengarahkan hamba-Nya supaya bukan sahaja tidak melakukan zina tetapi menjauhi zina (Ibn Qutaibah, 2014). Selain itu, Rasulullah SAW juga bersabda:

”ثَلَاثَةٌ لَا يَكْلِمُهُمُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَلَا يَنْظُرُ إِلَيْهِمْ وَلَمْ يُعَذَّبْ أَلْيَمُ: شِيخُ زَانَ، وَمَلْكُ كَذَابٍ، وَعَائِلٌ مُسْتَكْرِرٌ“

Maksudnya: “Tiga golongan ini Allah tidak akan bercakap, disucikan dan dilihat pada hari kiamat serta disediakan kepada mereka azab yang pedih. Lelaki berkahwin yang berzina, pemimpin yang menipu dan orang miskin yang takabur” (HR Muslim, *Kitab al-Iman, Bab Bayan Ghalt Tahrifim*, No. 172)

Hadis ini menyatakan kedudukan zina di dalam Islam sehingga pelakunya pada hari akhirat tidak akan beroleh sebarang rahmat dan perlindungan daripada Allah SWT sedangkan pada hari tersebut tiada perlindungan melainkan daripada-Nya (Al-Nawawi, 1392H).

Pencegahan terhadap zina tidak terhenti pada ancaman di hari akhirat bahkan Rasulullah SAW telah menetapkan hukuman had kepada pelaku zina. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ubadah Ibn Samid:

خُنُدوْ عَيْنِي . خُنُدوْ عَيْنِي . قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لَهُنَّ سَيِّلًا . الْبَكْرُ بِالْبَكْرِ جَلْدُ مَائَةٍ وَنَفْيُ سَنَةٍ وَالثَّيْبُ بِالثَّيْبِ ، جَلْدُ مَائَةٍ وَالرَّجْمُ

Maksudnya: “Ambillah dariku, ambillah dariku. Sesungguhnya Allah telah menetapkan hukuman kepada mereka. Penzinaan mereka yang bujang dihukum dengan seratus sebatan serta dibuang negeri selama setahun dan pezinaan mereka yang telah berkahwin disebat dan direjam” (HR Muslim, *Kitab al-Hudud, Bab Had al-Zina*, No. 1690)

Seterusnya, Islam telah mengharamkan zina kerana akan menyebabkan percampuran dan kekeliruan nasab, Islam juga telah mengharamkan menasabkan anak kepada bukan bapanya atas sebab yang sama. Sabda Rasulullah SAW:

مِنْ ادْعَى إِلَيْ أَبٍ غَيْرِ أَبِيهِ وَهُوَ يَعْلَمُ أَنَّهُ غَيْرُ أَبِيهِ فَاجْلَنَّهُ عَلَيْهِ حَرَامٌ

Maksudnya: “Sesiapa yang memanggil kepada bukan bapanya sedangkan dia tahu bukan bapanya, maka haram syurga buatnya” (HR Muslim, *Kitab al-Iman, Bab Bayan Hal al-Iman*. No. 63)

Pengharaman yang dinyatakan dalam hadis ini demi kemaslahatan yang lebih utama (An-Nawawi, 2014). Islam mementingkan kesejahteraan institusi keluarga dan susur galur nasab. Perkara ini dapat menjamin hubungan kekeluargaan yang akrab dan mengelakkan penipuan dan konflik dalam pewarisan harta. Perkara ini bukan sahaja diungkapkan oleh Nabi SAW bahkan pernah terjadi pada baginda sendiri. Pada suatu ketika Rasulullah SAW telah mengambil seorang anak angkat yang bernama Zaid bin Harithah. Anak tersebut dinasabkan oleh orang ramai ketika itu

kepada Nabi SAW dan kemudian Allah SWT menurunkan firmanya iaitu di dalam surah al-Ahzab ayat 4 hingga 5 yang menegur perbuatan menasabkan anak angkat tersebut kepada Nabi SAW (Ibn Qutaibah, 2010).

Rasulullah SAW melarang menasabkan seseorang kepada bapanya sepetimana beliau juga mementingkan menjaga nasab yang sedia ada. Oleh itu, haram hukumnya seseorang menafikan bapanya sendiri dalam keadaan dia mengetahui, begitu juga haram seseorang itu mencuba menasabkan dirinya kepada keluarga yang lain supaya dirinya dipandang mulia sepetimana yang dilakukan oleh arab Jahiliyyah (Yashar Sharif, 2014).

Akhir sekali, setiap institusi perlu akan kepimpinan dan perkara yang sama diperlukan di dalam keluarga supaya ia dapat berfungsi dengan baik. Sabda Rasulullah SAW:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْؤُلٌ عَنْ رَعْيِهِ؛ فَالإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْؤُلٌ عَنْ رَعْيِهِ، وَالرَّجُلُ فِي أَهْلِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْؤُلٌ عَنْ رَعْيِهِ، وَالمرْأَةُ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا رَاعِيَةٌ وَهِيَ مَسْؤُلَةٌ عَنْ رَعْيِهَا

Maksudnya: “Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab kepada yang dipimpin. Pemimpin adalah ketua maka dia bertanggungjawab kepada orang dibawahnya. Lelaki adalah pemimpin kepada keluarganya dan dia dipertanggungjawabkan ke atas mereka. Isteri di rumah suaminya adalah pemimpin dan dipertanggungjawabkan ke atas mereka” (HR al-Bukhari, *Kitab al-Itq, Bab al-Abd Ra’ fi mal Sayyiduhu*, no. 2558)

Institusi keluarga umpama rumah yang dibina oleh blok-blok batu bata iaitu anggotanya (al-Asqalani, 2014). Setiap blok ini memainkan peranan yang penting dalam menjamin kelangsungan dan kesejahteraan. Namun, tidak dinafikan peranan ibu bapa dalam institusi ini lebih utama sehingga diberi penekanan oleh Nabi SAW dalam hadis tersebut. Hal ini kerana anak-anak memerlukan bimbingan dan asuhan supaya mereka dapat dibentuk mengikut acuan yang sepatutnya. Peranan ibu dan bapa pula perlu saling melengkapi. Konsep keluarga yang dibawa oleh Islam sangat lengkap terutamanya dalam menjamin penjagaan nasab. Ikatan kasih sayang sesama anggotanya bukan sahaja bertaut kerana ikatan darah tetapi atas dasar kasih sayang kerana Allah SWT.

Nabi SAW merupakan penyampai wahyu dari Allah SWT dan pembawa rahmat kepada segenap alam. Hadis-hadis berserta keterangan yang dibawa menyokong kedudukan penjagaan nasab sebagai matlamat akhir pensyariatan. Pendekatan Nabi SAW pula menjelaskan kepentingan dan kaedah syariat ini dapat terlaksana. Jika kita melihat institusi kekeluargaan di barat kita akan mendapati pelbagai gejala sosial yang berlaku disebabkan ikatan kekeluargaan yang rapuh dan porak peranda. Sebagai umat Islam kita sepatutnya mempertahankan sistem ini dengan menghayati pendekatan baginda Nabi SAW dan memperkasakannya. Sesungguhnya kesucian institusi kekeluargaan di dalam Islam menjamin kesejahteraan dan kelestarian umat Islam di dunia dan akhirat.

4. Perlaksanaan Dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri-Negeri

Syariat Islam telah menggariskan perkara yang perlu dijauhi dan tidak boleh dilakukan oleh setiap individu demi menjaga nasab keturunan. Perbuatan yang dianggap sebagai satu kesalahan yang boleh merosakkan nasab telah diperuntukkan misalnya, di dalam Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Enakmen Jenayah Syariah (Perak) 1992, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Melaka) 1991, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996. Tindakan yang diambil oleh badan perundangan dengan menggubal kesalahan-kesalahan tersebut adalah bertepatan dengan prinsip *Maqasid al-Syariah* dan tuntutan menjaga keturunan. Antara kesalahan tersebut ialah:

4.1 Persetubuhan Luar Nikah

Zina atau persetubuhan luar nikah ialah istilah bahasa Arab yang bermaksud perhubungan seksual antara lelaki dan perempuan di luar ikatan perkahwinan yang sah. Istilah zina diguna pakai bagi hubungan seksual yang dilakukan oleh orang yang belum berkahwin dan juga mereka yang sudah berkahwin dan ianya hendaklah berlakunya penetration iaitu kemasukan zakar lelaki ke dalam faraj seorang perempuan jika ingin mensabitkan kesalahan zina.

Di Malaysia, hampir kesemua negeri memperuntukkan hukuman maksimum iaitu denda tidak melebihi RM 5000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau tidak melebihi enam kali sebatan atau manamana kombinasi. Hukuman yang dikenakan ini adalah umum dan tidak mengambil kira sama ada pesalah itu muhsan atau tidak. Kesalahan persetubuhan luar nikah merupakan antara kesalahan yang berat dan sering dilakukan oleh pesalah. Pegawai Penguatkuasa Agama sememangnya menguatkuasakan peruntukan ini dalam mengekang berlakunya masalah gejala sosial. Memetik kenyataan yang diberikan oleh Ketua Penguatkuasa Agama, Jabatan Agama Islam Melaka, beliau menegaskan kesalahan persetubuhan luar nikah ini semakin meningkat dari tahun ke tahun. Dalam sisi lain, terdapat juga pendapat yang mengatakan bahawa kesalahan persetubuhan luar nikah ini adalah bergantung kepada hasrat dan roh penggubal undang-undang itu sendiri. Misalnya di Kelantan, terminologi ‘zina’ digunakan. Ini menggambarkan bahawa negeri Kelantan ingin mencapai maksud hudud, berbeza dengan negeri lain yang menggunakan terminologi persetubuhan luar nikah. Pegawai Penguatkuasa Agama Pulau Pinang menegaskan:

“Kita di Pulau Pinang lebih kepada takzir...di Kelantan Zina...lebih kepada hudud. Itu mungkin roh dia...”

4.2 Sumbang Mahram

Sumbang mahram merupakan suatu pelakuan seksual iaitu perzinaan yang berlaku antara lelaki dan perempuan yang dia mempercayai bahawa pasangannya itu mempunyai hubungan yang dilarang (mahram) untuk berkahwin dalam Islam. Menurut fuqaha, pengharaman ini bukan disebabkan nasab keturunan sahaja, tetapi boleh melalui persemendaan dan penyusuan. (Atiyyah Saqr,1980) Seperti mana beratnya kesalahan zina, maka penggubal undang-undang menetapkan kesalahan ini dihukum dengan kesalahan maksimum seperti mana kesalahan zina. Di Perak dan Negeri Sembilan, hukuman bagi kesalahan sumbang mahram ini yang dilakukan oleh pasangan yang dilarang berkahwin selama-lamanya (*muabbad*) adalah lebih berat berbanding dengan larangan sementara (*ghair muabbad*). Ingin ditegaskan di sini bahawa kesalahan sumbang mahram yang dimaksudkan dalam konteks Enakmen Jenayah Syariah di Malaysia ini, ialah dilakukan dengan kerelaan kedua-dua pihak. Sekiranya tiada kerelaan, maka kesalahan tersebut dikategorikan di bawah kesalahan rogol.

Kesalahan sumbang mahram adalah jarang dikuatkuasakan dan diambil tindakan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama. Hal ini kerana kesalahan ini juga terdapat di dalam Kanun Keseksaan. Oleh yang demikian, jika terdapat sebarang aduan, Pegawai Penguatkuasa Agama akan menyerahkan aduan dan kertas keterangan tersebut kepada pihak Polis Diraja Malaysia kerana hukuman yang dikenakan di bawah Kanun Keseksaan adalah lebih berat. Tambahan pula, terdapat beberapa isu perundangan dalam menguatkuasakan seksyen ini antaranya mahkamah manakah yang kelihatan lebih kompeten untuk membicarakan isu berkaitan pertindihan bidangkuasa ini.

4.3 Pelacuran

Menurut Nasimah Hussain, (2007), pelacuran bermaksud seseorang yang menawarkan diri untuk pelakuan seks haram dengan tujuan untuk mendapatkan bayaran daripada perkhidmatan tersebut. Pelacur dan orang yang melanggarinya dianggap melakukan zina dan boleh dikenakan hukuman

hudud menurut undang-undang Islam kerana melibatkan hubungan seksual luar nikah. Mereka yang terlibat secara tidak langsung juga boleh dikenakan hukuman takzir yang berat.

Di samping peruntukan mengenai kesalahan menjadi pelacur, enakmen negeri-negeri di Malaysia mempunyai peruntukan mengenai tanggungan jenayah suami melacurkan isteri dan ibu-bapa atau penjaga yang melacurkan anaknya atau kanak-kanak di bawah jagaannya. Kebanyakan negeri memperuntukkan hukuman yang maksimum bagi kesalahan pelacuran kecuali Melaka yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM 3000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun.

Bagi maksud untuk menguatkuasakan peruntukan kesalahan berkaitan pelacuran ini, ianya juga sukar untuk dilaksanakan. Hal ini kerana terdapat halangan untuk mendapatkan pembuktian yang kukuh dalam mensabitkan tertuduh ke mahkamah. Berdasarkan kenyataan Ketua Penguatkuasa Agama Perak, elemen tawar-menawar itu hendaklah dibuktikan bagi menguatkan elemen pembuktian bagi kesalahan pelacuran ini. Salah satu kaedah yang boleh digunakan untuk membuktikan penawaran ini adalah dengan penyamaran. Namun kaedah ini mendapat tentangan sebahagian ulama’.

4.4 . Persediaan Melakukan Persetubuhan Luar Nikah

Persediaan persetubuhan luar nikah atau juga dikenali sebagai mukadimah zina atau taqarrub zina. Semua perbuatan maksiat yang boleh membawa kepada perlakuan zina dilarang dalam Islam dan boleh dihukum bergantung kepada tahap keseriusannya. Antara contoh perbuatan yang boleh dikategorikan sebagai kesalahan di bawahnya termasuklah lelaki dan perempuan tidur bersama di atas katil, bercumbu-cumbuan, berpelukan dan sebagainya. Kesalahan khalwat juga boleh dikategorikan di bawah kesalahan ini. Boleh dikatakan bahawa semua negeri di Malaysia memperuntukkan hukuman yang sama untuk kesalahan persediaan melakukan persetubuhan luar nikah iaitu denda tidak melebihi RM 3000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun. Negeri Kelantan pula menambah hukuman sebatan sebanyak tiga kali rotan.

4.5 Khalwat

Apabila seorang lelaki tidak mempunyai ikatan perkahwinan dengan seorang perempuan dan yang bukan mahram kepadanya berada bersendirian bersama-sama di suatu tempat yang tertutup yang tidak dibimbangi akan diganggu oleh orang lain dan yang memungkinkan peluang melakukan maksiat, maka mereka dianggap melakukan kesalahan khalwat. Kesalahan khalwat tidak semestinya berlaku antara seorang lelaki dengan seorang perempuan malah boleh berlaku juga di antara seorang lelaki dengan beberapa orang perempuan. Khalwat merupakan maksiat yang tidak boleh dikenakan hukuman had, sebaliknya dikenakan hukuman takzir sebagai pengajaran kepada pesalah.

Khalwat di kebanyakan negeri dihukum dengan denda tidak melebihi RM 3000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya. Ada juga enakmen yang membezakan hukuman khalwat jika pesalah melakukan khalwat bersama seorang pasangan dan atau ramai pasangan. Selain itu sebagai tambahan, mahkamah boleh memerintahkan pesalah perempuan boleh dihantar ke pusat pemulihan untuk suatu tempoh yang ditetapkan. Khalwat merupakan suatu kesalahan yang sering mendominasi carta-carta kesalahan jenayah syariah. Hal ini kerana pelakuan khalwat ini merupakan kesalahan yang mudah untuk dilaksanakan oleh pasangan-pasangan. Ekoran daripada itu, Pegawai Penguatkuasa Agama sering berhadapan dengan tohmahan mengintai dan sebagainya. Kenyataan tersebut dibidas oleh Datuk Dr Mashitah Mahmood, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (ketika itu) yang menyatakan di dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri-Negeri telah memperuntukkan kaedah yang khusus bagi Penguatkuasa Agama untuk memulakan tindakan seperti melalui aduan awam mahupun tangkapan oleh individu-individu yang diberikan kuasa menangkap.

Kesalahan khalwat sememangnya merupakan kesalahan yang sering menjadi kesalahan yang mempunyai statistik yang paling tinggi dan paling kerap dilakukan oleh pesalah. Oleh yang demikian, usaha penguatkuasaan yang dijalankan sememangnya dijalankan secara berterusan. Pegawai Penguatkuasa Agama sendiri sudah berkemahiran dan menjalankan siasatan sehingga kepada pendakwaan ke mahkamah.

4.6 Muncikari

Muncikari ialah orang tengah yang bertanggungjawab menjadi perantara bagi seorang lelaki dengan seorang perempuan untuk tujuan maksiat yang bertentangan dengan hukum syarak. Yang dimaksudkan dengan maksiat di sini ialah kegiatan pelacuran. Hukuman bagi kesalahan muncikari ini dalam kebanyakan negeri adalah hukuman maksimum iaitu denda tidak melebihi RM5000.00 atau penjara tidak melebihi tempoh 3 tahun atau sebatan tidak melebihi 6 kali

Kesalahan muncikari ini bukanlah suatu kesalahan yang popular dan sering dikuatkuasakan oleh Jabatan Agama Islam melalui Bahagian Penguatkuasaannya kerana masalah beban pembuktian yang sukar serta kekurangan kemahiran dalam kalangan Pegawai Penguatkuasa Agama itu sendiri. Menurut rekod sehingga 2017, belum terdapat satu pun yang dihadapkan ke mahkamah bagi kesalahan muncikari.

4.7 Perbuatan tidak sopan

Perbuatan tidak sopan bermaksud perbuatan yang berlawanan dengan nilai akhlak dan moral dalam Islam. Kelakuan tidak sopan boleh berlaku dalam bentuk perbuatan seperti bercumbuan antara lelaki dan perempuan atau berpelukan antara satu sama lain. Kelakuan tidak sopan juga boleh berlaku dalam bentuk perkataan seperti mengeluarkan kata-kata lucu. Interpretasi bagi perbuatan tidak sopan menurut akta atau enakmen kesalahan jenayah syariah adalah sangat luas. Menurut undang-undang Islam, asas dalam menentukan sesuatu perbuatan itu sebagai kesalahan berkaitan rapat dengan akhlak. Menyentuh mengenai konsep akhlak menurut Islam, Mustafa Bugho (1977) adalah amat luas dan ianya berlandaskan prinsip-prinsip akhlak islamiah dan bukan ditentukan oleh norma-norma masyarakat setempat.

Perbuatan tidak sopan yang dimaksudkan dalam akta atau enakmen berbeza dengan kesalahan khalwat kerana dilakukan di tempat awam manakala khalwat dilakukan di tempat yang tersembunyi. Perbuatan tidak sopan tidak semestinya melibatkan keduanya gender lelaki dan perempuan, malah mungkin dilakukan oleh seorang lelaki atau perempuan sahaja seperti mendedahkan tubuh di tempat awam. Hukuman bagi kesalahan ini pula boleh dikatakan sama iaitu denda tidak melebihi RM 1000.00 atau penjara tidak melebihi 6 bulan.

Di Selangor, Arahan Tetap Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) 2002 (Pindaan 2004) yang khusus berkenaan dengan kaedah menangani maklumat dan aduan daripada orang awam telah diwujudkan. Selain itu, JAIS juga mengeluarkan Arahan Tetap Pengarah JAIS 2003 bagi melaksanakan tindakan pencegahan seksyen 31 Enakmen Jenayah Syariah Selangor (No.9. Tahun 1995) iaitu kaedah-kaedah bagi menangani dan mengendalikan kesalahan/perlakuan tidak sopan di tempat awam. Arahan ini berkuatkuasa mulai 11hb Ogos 2003. (Siti Zubaidah, 2008).

Kewujudan beberapa arahan tetap ini telah membuktikan kesungguhan pihak berwajib di peringkat penggubal dasar dalam menangani masalah sosial. Maka ia perlu dilaksanakan secara telus dan bersungguh di peringkat penguatkuasaan dan pelaksanaan tanpa sebarang pengecualian atau campurtangan mana-mana pihak luar yang boleh menggagalkan objektif perundangan.

Walau bagaimanapun, Pegawai Penguatkuasa Agama seringkali berhadapan dengan isu tafsiran perbuatan tidak sopan itu sendiri. Oleh kerana tiada satu pun tafsiran perundangan yang dibuat bagi menjelaskan maksud perbuatan ini boleh menimbulkan kekeliruan terhadap pegawai

penguatkuasa agama itu sendiri dan orang ramai. Tuan Rahimin Bin Bani menjelaskan, perlulah adanya tafsiran yang khusus terhadap kesalahan ini agar dapat mempermudahkan usaha ke arah pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang.

5. Kesimpulan

Peruntukan undang-undang Syariah yang sedia ada kini telah digubal bagi memelihara nasab dan keturunan umat Islam. Justeru sekiranya wujud pertikaian mengenai nasab atau kesahtarafan seseorang anak, maka ia boleh diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Sebagai umat Islam yang prihatin dan progresif perlu menyedari bahawa institusi kekeluargaan adalah perlu dipertahankan kerana punca terbesar keruntuhan bagi sesebuah masyarakat adalah berpunca daripada kehancuran institusi keluarga.

Di samping itu juga, kita mendapati bahawa undang-undang yang berkaitan pemeliharaan nasab ini amat penting kerana merupakan komponen asas dalam agama Islam itu sendiri. Matlamat yang ingin dicapai dalam prinsip *Maqasid al-Syariah* itu sendiri bukanlah terletak di atas bahu Penguatkuasa Agama sahaja tetapi setiap bahagian di dalam masyarakat memainkan peranannya yang tersendiri.

Rujukan

- Al-Asqalani, Ibn Hajar. 1379H. *Fathul Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar Ma'arifah
- Al-Asqalani, Ibn Hajar. 2014. *Bulughul Maram Min Adilati wal Ahkam*. Riyadh: Dar al-Qabs.
- Al-Fayruz Abadi. 1997. *al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Al-Hanbali, Ibn Rajab. 1996. *Fathul Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Maktabah Dar Haramain
- Al-Hasani, Ismail. 1995. Nazariyyah al-Maqasid 'inda al-Imam Muhammad al-Tahir Ibn al-'Asyur. Virginia: International Institute of Islamic Thought.
- Al-Kailani, Ahmad Salih. 2009. *Maqasid Syariah Inda Imam Al-Ghazali*. Riyadh: Syabakah al-Alukah
- Al-Nawawi. 1392H. *Al-Minhaj Shahrh Sahih Muslim*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 1993. *Madkhal Li Dirasat al-Syariah al-Islamiyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 1997. *Al-Halal wal Haram fi al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbiah.
- Al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim Musa al-Gharnati al-Maliki. 1991. *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zuhayli, Wahbah. 1986. *Usul al-Fiqh al-Islami*, Damsyik: Dar al-Fikr.
- Atiyyah Saqar. 1980. *Al-Usrah tahta Ri'ayat al-Islam*. Kuwait: Muassasah al-Sabah.
- Bugho, Mustafa Dib. 1997. *Nizam al-Islam fi al-Aqidah, wa al-Akhlaq wa al-Tasyriq*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Lisan al-'Arab, Muhammad Ibn Manzur. Beirut: Dar al-Sadr, jld. 3, (t.t).
- Muhammad Abdullah Ibn Muslim, Ibn Qutaibah. (2010) *Ta'wil Musykil al-Quran*, Beirut Dar al-Kutub al-Ilmiyah

- Raisuni, Ahmad. 1995. *Nazariyyah al-Maqasid inda Imam al-Shatibi*. Virginia: The International Institute of Islamic Thought
- Rosli Mokhtar & Mohd Fikri Che Hussain. 2007. Maqasid al-Syariah: Hikmah Di Sebalik Pensyariatan. Shah Alam: Karya Bestari.
- Sheikh Abdullah Basmeh ; Dato' Haji Muhammad Noor bin Haji Ibrahim. (1980). Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Qur'an (30 juz), Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Ugama.
- Yashar Syarif. 2014. *Hifz al-Nasal wa al-Nasab wa al-Usrah*. Kertas Kerja yang dibentangkan untuk Muktamar Abhath wa al-Waqai' kali ke-22.

KES-KES

Pendakwa Syarie Kelantan lwn Mat Rahim dan Nik Azimah (1994) 9 JH 195.

Sukma Darmawan Saasmitat Madja lwn Ketua Pengarah Penjara Malaysia (1999) 2 MLJ 241.

KERATAN AKHBAR

Utusan Malaysia, 23 Disember 2006: Tidak Benar Penguatkuasaan Khalwat Hanya Melalui intipan.

STATUT

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

Enakmen Kanun Kesalahan Jenayah Syariah (Kelantan) 1985.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Perlis) 1991.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Melaka) 1991

Seksyen 45 Enakmen Kesalahan Syariah (Perak) 1992.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Johor) 1997.

Kanun Keseksaan.

TEMUBUAL

Temubual bersama Ketua Penguatkuasa Agama, Jabatan Agama Islam Melaka, Tuan Rahimin Bin Bani bertempat di Jabatan Agama Islam Melaka pada 29 Mei 2017.

Temubual bersama Pendakwa Syarie Kelantan Puan Masriza Bt Kadir bertempat di Kompleks Islam Lundang pada 16 Mei 2017.

Temubual bersama Ketua Penguatkuasa Agama, Jabatan Agama Islam Perak Tuan Haji

Ahmad Nizam Bin Amiruddin bertempat di Kompleks Islam Darul Ridzuan, pada 18 Mei 2017.

Temubual bersama Yang Arif Tuan Mohd Esyam Bin Abdul Samad, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Perak bertempat di Jabatan Kehakiman Syariah Perak pada 18 Mei 2017.

Temu bual bersama Tuan Ghazali Bin Ahmad, Ketua Pendakwa Syarie Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan bertempat di Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan bertempat di Bahagian Pendakwaan pada 1 Jun 2017.